

Headline **Sara cucu, anak dengan RM20**
Date **28 Sep 2011**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **329 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,809**
PRValue **5,427**



Sara cucu, anak dengan RM20

Ambil alih tugas selepas anak jadi penagih

SYAIRI SHAARI

GOMBAK - Berpendapatan RM20 sehari, seorang ibu dan juga nenek terpaksa menyara enam cucunya yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka setelah terlibat dalam penagihan dadah.

Norsimah Mohd Nor, 53, berkata, dia mengambil alih tugas menjaga cucunya kerana mendakwa anak perempuan dan menantunya sudah tidak mempedulikan mereka.

"Anak perempuan makcik bersama suaminya langsung tidak mempedulikan anaknya malah makan minum dan pakaian mereka makciklah yang uruskan semuanya.

"Bagaimanalah mereka nak uruskan kalau keduanya sudah ketagih dadah dan disahkan pula menghidap positif HIV," katanya ketika ditemui di rumahnya di Pangsapuri Mutiara Batu 7 Gombak baru-baru ini.

Menceritakan keadaan cucunya, Norsimah berkata, kesemua cucunya tidak bersekolah dan apa yang paling dibimbangkan adalah cucu bongsunya yang dikhuatiri menghidap HIV kerana cucunya itu adalah hasil daripada perkahwinan kedua anak perempuannya bersama suaminya yang merupakan penagih dadah.

Katanya, dia bersama suaminya yang tidak bekerja

bukan sahaja menanggung cucunya tetapi empat anaknya yang mana tiga masih bersekolah dan seorang orang kurang upaya (OKU).

"Dengan bekerja sebagai pembantu di warung sate, manalah cukup kami sekeluarga hendak menanggung perbelanjaan keluarga.

"Rumah yang kami duduk sekarang pun sudah tertunggak setahun tidak dibayar dan mungkin menunggu masa notis keluar dari rumah," katanya.

Sementara itu, keperitan hidup keluarga Norsimah turut mendapat perhatian Gabungan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (IGPBK) yang turut menyampaikan sumbangan wang dan keperluan barangan seharian.

Suami Norsimah, Mohd Salleh Zahari berkata, dia hanya dapat membantu isterinya dengan menjaga anak dan cucu kerana matanya tidak jelas dan menghidap sakit gout.

"Sememangnya kehidupan kami kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Dengan pendapatan isteri, sehari sahaja boleh habis," katanya yang pernah menjadi pemandu bas mini di Kuala Lumpur suatu ketika dahulu.

Dalam pada itu Pengerusi IGPBK, Datuk Dr Rahman Ismail berkata, IGPBK akan berusaha membantu keluarga ini dan akan merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Zakat Selangor.

Headline **Sara cucu, anak dengan RM20**
Date **28 Sep 2011**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **329 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,809**
PRValue **5,427**

"Saya juga menasihati agar keluarga ini turut membuat ujian HIV kerana bimbang setelah didapati ahli keluarga ini disahkan positif HIV.

"Selain itu, apa yang lebih penting adalah melihat hala tuju pendidikan anak ini yang mana ia tidak seharusnya berlaku sekali gus menafikan hak mereka untuk mendapatkan pendidikan awal," katanya.

“ Bagaimanalah mereka nak uruskan kalau kedua-duanya sudah ketagih dadah dan disahkan pula menghidap positif HIV.”

Norsimah



Dr Rahman (tengah) bersama cucu dan anak Norsimah.